

**RAGAM HIAS TANDA KEMATIAN (SUNDUK)
PADA MASYARAKAT BAJAU DI PULAU OMADAL,
SEMPORNA**

MOHAMAD AZAREEN AMINULLAH



UMS
PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA**

**SEKOLAH PENGAJIAN SENI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.


*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 Julai 2008



Mohamad Azareen Aminullah
PS20068114



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


TAJUK : **RAGAM HIAS TANDA KEMATIAN (SUNDUK) PADA
MASYARAKAT BAJAU DI PULAU OMADAL**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SENI VISUAL)**

TARIKH VIVA : **13 JUN 2008**

DISAHKAN OLEH

1. **PENYELIA**
(*Prof. Madya Dr. Ismail Ibrahim*)


(*Tandatangan*)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


TAJUK : RAGAM HIAS TANDA KEMATIAN (SUNDUK) PADA
MASYARAKAT BAJAU DI PULAU OMADAL

IJAZAH : SARJANA SASTERA (SENI VISUAL)

TARIKH VIVA : 13 JUN 2008

DISAHKAN OLEH

1. **PENYELIA**
(*Prof. Madya Dr. Ismail Ibrahim*)


(*Tandatangan*)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Asalamualaikum.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya akhirnya saya berjaya menyiapkan tesis ini. Sebagai sebahagian daripada pengajar Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah tentunya saya berasa bangga kerana dapat bertapak di negeri di bawah bayu ini. Terima kasih diucapkan kepada pihak yang memberikan saya peluang untuk membuat kajian etnik Sabah. Segala pengalaman pahit dan manis membuatkan saya untuk terus menghampiri kaum etnik Sabah, walaupun saya masih baru di sini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Ismail Ibrahim selaku penyelia kajian, di atas sumbangan idea yang bernas untuk saya mengembara bersama kaum etnik Sabah. Tidak lupa buat Prof. Madya Hj. Inon Shahrudin selaku Dekan Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah, terima kasih di atas teguran yang membina yang diberikan. Kepada En. Puad Bebit dan En. Humin Jusrin, terima kasih juga diucapkan di atas bantuan dan sokongan moral yang diberikan.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Imran Safie yang banyak membantu saya semasa di lapangan berserta informan-informan kenalannya. Jasa baik dan kesungguhan beliau membantu saya semasa di Semporna tidak dapat saya lupakan. Begitu juga dengan penduduk Pulau Omdal yang membantu dalam kajian ini. Rasanya tidak mungkin saya dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya tanpa bantuan mereka.

Teristimewa buat kedua orang tua, isteri dan anak-anak yang sentiasa memberikan sokongan dan semangat yang tidak putus-putus. Kalian adalah sumber inspirasi dan kekuatan saya.


MOHAMAD AZAREEN AMINULLAH

2008

ABSTRAK

RAGAM HIAS TANDA KEMATIAN (SUNDUK): SATU KAJIAN KES DI PULAU OMADAL, SEMPORNA

Tesis ini mengupas nilai-nilai estetik yang terdapat pada tanda kematian dalam masyarakat Bajau Kubang Pulau Omadal. Maklumat terperinci mengenai objek kajian diperolehi daripada tukang-tukang buat tanda kematian, orang-orang tua serta mereka yang mahir dalam adat budaya masyarakat Bajau Kubang Semporna. Tanda kematian adalah sebagai tanda penghormatan dan peringatan daripada orang yang masih hidup kepada orang yang telah mati. Tanda kematian mempunyai berbagai-bagai ragam bentuk daripada berbagai-bagai kaum dan kepercayaan. Kajian analitis tercetus daripada ragam hias tanda kematian kaum Bajau Kubang Pulau Omadal yang mempunyai bentuk yang berbeza serta unik. Tanda kematian yang terbentuk daripada berbagai-bagai ragam saiz dan bentuk memaparkan maksud yang tersurat dan tersirat. Penekanan ditumpukan kepada kajian analitis terhadap elemen asas rekaan dan prinsip rekaan serta ikon yang terdapat pada objek kajian. Analisis deskriptif digunakan untuk membuat interpretasi setiap elemen seni yang didapati. Seterusnya analisis kepada corak dan motif-motif yang terpapar pada objek bertujuan untuk memahami hubung kaitnya dengan masyarakat tersebut. Beberapa kupasan ditemui pada tanda kematian kaum Bajau Kubang Omadal yang berkisar tentang konsep keindahan, anugerah daripada Pencipta alam semesta. Tanda kematian kaum Bajau Kubang merupakan satu rakaman perwatakan, kedudukan dan peristiwa masyarakat tersebut.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

This thesis looks at the various aesthetic values of tombstones of the Bajau Kubang communities in the Island of Omdal in Semporna. Detail information was gathered from the older generation of tombstone markers who are knowledgeable about the craft and tradition of Bajau Kubang of Semporna. The tombstone is a sign of respect and a memorial feature of those are still living to those who have passed on. There are many various features that are found on the tombstone that identities with the various group people and their cultures. The research was done on the decorative feature of the Bajau Kubang in Pulau Omdal due to its very unique characteristics as compare with other groups. The sizes and decorative elements on the tombstone present various meanings and interpretations. This research emphasizes on the basic design elements of icons that are found on the gravestones. A descriptive analysis is used to describe the various artistic elements that found on the gravestones such as the pattern and motives which is an integral part of this community. A closer study on few of these gravestones reveals the various concepts used to portray beauty and the universal creator. This documented study of the gravestones or tombstones of the Bajau Kubang community portray the characteristics of tombstones, peoples and the event that surround this community.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH**HALAMAN**

Rajah 1	Peta Pulau Omdal dan kawasan perkuburan kaum Bajau Kubang.	7
Rajah 3.1	Lahut	44
Rajah 3.2	Adaptasi dari Plat I foto (1-5)	47
Rajah 3.3	Adaptasi dari Plat I foto (6-10)	49
Rajah 3.4	Adaptasi dari Plat I foto (11-15)	50
Rajah 3.5	Adaptasi dari plat I foto (16-20)	51
Rajah 3.6	Adaptasi dari plat II (1-5)	52
Rajah 3.7	Adaptasi dari Plat II foto (6-10)	53
Rajah 3.8	Adaptasi dari plat II foto (11-15)	54
Rajah 3.9	Adaptasi dari Plat II foto (16-20)	55
Rajah 3.10	Adaptasi dari Plat III foto (1-5)	57
Rajah 3.11	Adaptasi dari Plat III foto (6-10)	57
Rajah 3.12	Adaptasi dari Plat III foto (11-15)	59
Rajah 3.13	Adaptasi dari Plat III foto (16-20)	60
Rajah 3.14	Adaptasi dari Plat IV foto (1-5)	61
Rajah 3.15	Adaptasi dari Plat IV foto (6-10)	62
Rajah 3.16	Adaptasi dari Plat IV foto (11-15)	62
Rajah 3.17	Adaptasi dari Plat IV foto (16-20)	64
Rajah 3.18	Adaptasi dari Plat V foto (1-5)	66
Rajah 3.19	Adaptasi dari Plat V foto (6-10)	70
Rajah 3.20	Adaptasi dari plat V foto (11-15)	74
Rajah 3.21	Adaptasi dari plat V foto (16-20)	75

Rajah 3.22	Adaptasi dari plat VI (1-5)	76
Rajah 3.23	Adaptasi dari plat VI foto (6-10)	76
Rajah 3.24	Adaptasi dari plat VI foto (11-14)	79
Rajah 3.25	Adaptasi dari plat VI plat (15-20)	79
Rajah 3.26	Adaptasi dari plat VII foto (1-5)	80
Rajah 3.27	Adaptasi dari plat VII(6-10)	81
Rajah 3.28	Adaptasi dari plat VII (11-15)	82
Rajah 3.29	Adaptasi dari plat VII (16-20)	83
Rajah 3.30	Adaptasi dari plat VIII (1-5)	84
Rajah 3.31	Adaptasi dari plat VIII(6-10)	85
Rajah 3.32	Adaptasi dari plat VIII (11-15)	85
Rajah 3.33	Adaptasi dari plat VIII (16-20)	86
Rajah 4.1	Segmen bentuk <i>sunduk</i> lelaki	88
Rajah 4.2	Ikon tarbus, ketayap dan songkok	90
Rajah 4.3	Ikon mata bujak	91
Rajah 4.4	Ragam <i>sunduk</i> dengan ukiran bujak	92
Rajah 4.5	Ragam hias bahagian tanpa corak	93
Rajah 4.6	Ragam hias songkok tanpa sarban	93
Rajah 4.7	Bunga ukir pada bahagian atas platform	94
Rajah 4.8	Segmen tengah <i>sunduk</i> lelaki	94
Rajah 4.9	Fesyen pakaian	95
Rajah 4.10	Segmen tengah bercorak organik	96
Rajah 4.11	Segmen tengah II	96
Rajah 4.12	Ragam hias bahagian tengah dua segmen	97

Rajah 4.13	Ragam memecah bentuk silinder	98
Rajah 4.14	Ragan hias <i>sunduk</i> tidak bercorak	98
Rajah 4.15	Ragam bahagian bawah <i>sunduk</i> lelaki	99
Rajah 4.16	Sifat fizikal individu	99
Rajah 4.17	Tubuh langsing bersepatu	100
Rajah 4.18	Tubuh langsing tidak bersepatu	100
Rajah 4.19	Ragam <i>sunduk</i> Imam I	101
Rajah 4.20	Ragam <i>sunduk</i> Imam II	102
Rajah 4.21	Ragam <i>sunduk</i> Imam III	103
Rajah 4.22	Ragam <i>sunduk</i> Imam IV	103
Rajah 4.23	Motif pokok bakau dan ombak laut	105
Rajah 4.24	Motif daun tuba	106
Rajah 4.25	Motif ombak	106
Rajah 4.26	Motif pokok menjalar	107
Rajah 4.27	Motif gulungan tali	107
Rajah 4.28	Motif lekuk	107
Rajah 4.29	Motif pucuk rebung	108
Rajah 4.30	Motif jaring ikan	108
Rajah 4.31	Motif sisik ikan	108
Rajah 4.32	Motif pelampung jala ikan	109
Rajah 4.33	Motif geometrik	109
Rajah 4.34	Motif daun sirih	109
Rajah 5.1	Rupa bentuk <i>sunduk</i> perempuan	113
Rajah 5.2	Segmen-segmen <i>sunduk</i> perempuan	114

Rajah 5.3	Adaptasi motif aksesori <i>sunduk</i> perempuan	116
Rajah 5.4	Adaptasi ragam hias cucuk sanggul	117
Rajah 5.5	Motif cucuk sanggul	117
Rajah 5.6	Motif tanpa cucuk sanggul	118
Rajah 5.7	Motif rambut pendek yang diikat	119
Rajah 5.8	Corak daripada baju tarian egal-egal	119
Rajah 5.9	Motif siring kain	120
Rajah 5.10	Motif pucuk bakau	120
Rajah 5.11	Motif pokok bakau	121
Rajah 5.12	Motif Puteri egal-egal	122
Rajah 5.13	Aksesori yang terdapat pada seorang penari egal-egal	122
Rajah 5.14	Rupa lekuk	123
Rajah 5.15	Motif lekuk	123
Rajah 5.16	Motif kosong	123
Rajah 5.17	<i>Sunduk</i> perempuan meninggal semasa melahirkan anak	124
Rajah 5.18	<i>Sunduk</i> pasangan Imam IV	124

PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI RAJAH	vi
 BAB 1 PENGENALAN	
1.1 LATARBELAKANG	1
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN	3
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	4
1.4 KEPENTINGAN KAJIAN	5
1.5 LOKASI KAJIAN	6
1.6 FOKUS KAJIAN	8
1.7 METODOLOGI KAJIAN	8
1.8 KAJIAN LITERATUR	12
 BAB 2 MASYARAKAT BAJAU	
2.1 PENGENALAN	14
2.2 LATARBELAKANG	14
2.2.1 Masyarakat Bajau Semporna	17
2.2.2 Masyarakat Bajau Kubang, Semporna	18
2.3 PULAU OMADAL DAN MASYARAKATNYA	22
2.4 AKTIVITI PENDUDUK PULAU OMADAL	25
2.5 EKONOMI PULAU OMADAL	27

2.6	BAJAU PULAU OMADAL, SEMPORNA	28
2.7	KEDATANGAN ORANG BAJAU	29
2.7.1	legenda penghijrahan Bajau ke Sabah	29
2.7.2	Legenda versi Indonesia	30
2.8	ADAT KEMATIAN MASYARAKAT BAJAU KUBANG	32
2.8.1	Pengurusan mayat	32
2.8.2	Persediaan dan kelengkapan sebelum ke kuburan	33
2.8.3	Adat keluar rumah	35
2.8.4	Adat di tanah perkuburan	36
2.8.5	Upacara membaca Talkin	36
2.8.6	Memacak tanda kematian	37
2.9	<i>BAKAI BAKAIAN</i>	37
2.10	TAHLIL ARWAH	38
2.11	ANGKA-ANGKA DALAM UPACARA KEMATIAN MASYARAKAT BAJAU	38
2.12	KEPERCAYAAN DAN TERTIB MASYARAKAT BAJAU DALAM MENYUSUN JENAZAH DI TANAH PERKUBURAN	40
2.13	KESIMPULAN	40
BAB 3	SUNDUK	42
3.1	PENGENALAN	42
3.2	SAIZ DAN BENTUK SUNDUK	42
3.3	MOTIF DAN CORAK SUNDUK	43
3.4	BAHAN SUNDUK	43
3.5	CARA PEMBUATAN <i>SUNDUK</i>	44
3.5.1	Pembuatan <i>Sunduk</i> menggunakan kayu <i>berlian</i>	44
3.5.2	Pembuatan <i>Sunduk</i> menggunakan simen	45
3.5.3	Saiz <i>sunduk</i> dari bahan simen masa kini	46
3.6	PEMBUAT <i>SUNDUK</i>	46
3.7	ADAPTASI <i>SUNDUK</i>	47



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 4	INTERPRETASI SUNDUK LELAKI	
4.1	PENGENALAN	87
4.2	<i>SUNDUK</i> LELAKI	87
4.3	BENTUK SUNDUK LELAKI	88
4.4	RAGAM BENTUK BAHAGIAN ATAS SUNDUK LELAKI	89
	4.4.1 Bahagian kepala sehingga leher	89
	4.4.2 Bentuk bujak dan ragam hiasnya	91
	4.4.3 Motif bentuk songkok dan ragam hiasnya	92
4.5	RAGAM BENTUK SEGMENT TENGAH <i>SUNDUK</i> LELAKI	94
	4.5.1 Segmen tengah I	96
	4.5.2 Segmen Tengah II	96
	4.5.3 Segmen tengah III	97
	4.5.4 Segmen tengah IV	98
	4.5.4 Segmen tengah V	98
4.6	BAHAGIAN BAWAH SUNDUK LELAKI	99
4.7	RAGAM BENTUK SUNDUK AHLI AGAMA	100
4.8	MOTIF SUNDUK LELAKI	
	4.8.1 Asal usul motif <i>sunduk</i> lelaki	103
4.9	SAIZ SUNDUK	109
4.10	KESIMPULAN	110
BAB 5	INTERPRETASI SUNDUK PEREMPUAN	
5.1	PENGENALAN	111
5.2	SUNDUK PEREMPUAN	111
5.3	BENTUK SUNDUK PEREMPUAN	112
5.4	SAIZ SUNDUK	114
5.5	ASAL USUL MOTIF SUNDUK PEREMPUAN	114
	5.5.1 Motif segmen atas	115
	5.5.2 Motif segmen tengah	118
	5.5.3 Motif segmen bawah	118
5.6	KATEGORI MOTIF	119

5.7	SUNDUK SEORANG PEREMPUAN YANG MENINGGAL SEMASA MELAHIRKAN ANAK	123
5.8	SUNDUK ISTERI SEORANG IMAM	123
5.9	KESIMPULAN	124
BAB 6	KESIMPULAN	125
BIBLIOGRAFI		131
GLOSARI		138
LAMPIRAN A	Plat I	140
LAMPIRAN B	Plat II	143
LAMPIRAN C	Plat III	146
LAMPIRAN D	Plat IV	149
LAMPIRAN E	Plat V	152
LAMPIRAN F	Plat VI	156
LAMPIRAN G	Plat VII	159
LAMPIRAN H	Plat VIII	161



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

Memberikan penghormatan kepada si mati menjadi amalan masyarakat di seluruh dunia sejak daripada zaman nenek moyang kita lagi. Setiap kaum di setiap zaman memberikan penghormatan kepada si mati dengan berbagai-bagai olahan dan ragam. Tanda-tanda kematian ini terukir dalam berbagai-bagai rupa bentuk mengikut kepercayaan satu-satu kefahaman yang dianuti oleh kaum masyarakat tersebut. Tanda kematian ini terukir dalam berbagai variasi saiz, bentuk, ruang, warna dan bahan.

Sebagai contoh, di negeri Melaka terdapat beberapa perkuburan yang dikenali sebagai Keramat Panjang Bukit Cina, Makam Datok Manila dan lain-lain. Kubur panjang dibuat demikian adalah sebagai tanda simbolik untuk si mati dan tanda kematian yang diabadikan untuk nenek moyang mereka. Tujuan murni ini tidak harus disalahgunakan dan juga tidak harus dibiarkan sehingga terhapus sama sekali. (Abdul Jalil Osman, 1988: 80)

Kaum etnik di Sabah juga mengamalkan adat untuk memberi penghormatan kepada si mati, bukan sahaja pada tanda kematian di tanah perkuburan, malah adat istiadat semasa kematian dan upacara pengebumian. Berbagai-bagai corak dan olahan motif diukir untuk tujuan ini. Setiap kaum etnik menampilkan indentiti tersendiri berdasarkan kepercayaan dan kreativiti yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Kesan peninggalan kaum etnik ini menarik minat pengkaji untuk membuat kajian terhadap nilai-nilai estetikanya.

Penyelidikan ini difokuskan kepada masyarakat Bajau Kubang yang mendiami kawasan Pantai Timur Sabah. Kaum etnik Bajau ini mempunyai nilai-nilai kesenian

pada tanda kematian yang dirasakan perlu diberikan perhatian kerana ia merupakan satu kesan sejarah dan kesenian yang cukup bernilai. Dokumentasi artifak ini akan membawa masyarakat kaum Bajau Kubang ke tahap yang lebih dikenali dan diingati oleh masyarakat umum.

Kaum Bajau Kubang Pulau Omdal mengebumikan mayat keluarga mereka di Pulau Omdal sejak berzaman lagi¹. Ini terbukti apabila terdapat sebuah tanda kematian yang bertarikh 1389. Masyarakat Bajau Kubang di Pulau Omdal menghormati si mati dengan memberikan tanda kematian dan mengebumikan si mati sehingga terdapat hampir empat belas mayat dalam satu liang².

Kieffier (1968) seorang sarjana barat menulis dan mengatakan tanda kematian³ kaum Bajau merupakan sesuatu yang unik. Mereka mengklasifikasikan jantina dan umur untuk membezakan perkuburan mereka. Reka bentuk dan ragam hias yang terdapat di atasnya tidak mempunyai sebarang ikon dan mereka hanya membuatnya sebagai perhiasan semata-mata. Petikan ini tidak berapa benar kerana hasil daripada temubual dengan informan jelas menunjukkan terdapatnya ikon pada hiasan yang terdapat pada tanda kematian.

Aspek ideologi dan kesenian masyarakat Bajau di Pulau Omdal boleh dilihat pada ragam bentuk batu nisan yang telah dihasilkan oleh mereka. Bentuk batu tanda kematian yang pipih dan lebar serta dipenuhi oleh ukiran di atasnya merupakan simbol kepercayaan kaum perempuan, manakala yang berbentuk silinder dan diukir merupakan simbol kepercayaan kaum lelaki. Kepelbagaian saiz tanda kematian pula adalah untuk menunjukkan umur, manakala ukiran yang terdapat padanya bertujuan untuk menunjukkan martabat seseorang itu. Saiz melambangkan darjat si mati dan terdapat sesetengah batu nisan yang mempunyai ketinggian sama dengan lelaki dewasa.

1 Maklumat diperolahi daripada temubual dengan Hj.Adilun Hj. Samaluddin, (56 thn). Semporna. Disember 2006.

2 Pengkaji telah pergi ke Pulau Omdal berserta informan, En.Imran Safei, (47 thn). Disember 2006.

3 Pengkaji menggunakan istilah 'batu' bagi menjurus kepada kayu, 'batu nisan' yang semestinya tidak diperbuat daripada batu.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pemerhatian terhadap bentuk dan ragam hias yang terdapat pada tanda kematian kaum Bajau Pulau Omdal memberi gambaran jelas bahawa terdapatnya unsur-unsur ketamadunan budaya dalam masyarakatnya. Gambaran pengaruh budaya dan percikan kesenian daripada tamadun lain, contohnya pengaruh Islam dan Hindu. Nilai ketamadunan ini jelas kelihatan dalam pembuatan tanda kematian yang hanya dimiliki oleh kaum Bajau Kubang.

Merujuk kepada lipatan sejarah Melayu, kesan pengaruh animisme dan kepercayaan kuno begitu kuat mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu dan sudah menjadi darah daging orang Melayu sejak zaman primitif lagi. Apa yang dimaksudkan dengan kepercayaan di sini ialah kepercayaan tentang adanya kuasa tertinggi yang menguasai alam ini. Kepercayaan terhadap kuasa tertinggi atau Tuhan ini telah mempengaruhi kehidupan seharian mereka sehinggalah kedatangan agama Hindu dan Islam di Tanah Melayu. Kedua-dua agama ini telah memainkan peranan penting dalam membentuk identiti keagamaan orang Melayu tradisional (Mahayudin, 1998:107). Kaum Bajau yang juga terdiri daripada rumpun Melayu tidak terkecuali daripada menerima dan mengamalkan kepercayaan ini sejak zaman nenek moyang mereka lagi. Masyarakat Bajau tidak terkecuali dalam hal ini kerana Masyarakat Bajau merupakan salah satu daripada rumpun Melayu di Nusantara ini.

Pemerhatian awal terhadap tanda kematian ini jelas menunjukkan kehalusan pada seni ukiran yang menjadi tanda bagi menghormati orang yang telah meninggal dunia. Bagaimanakah kefahaman dan kebudayaan ini dapat ditransformasikan kepada ukiran yang sebegitu unik pada tanda kematian mereka?. Setiap bangsa mempunyai kebudayaan dan falsafah tersendiri dalam meluahkan inspirasi mereka. Misalnya kaum Jawa menghasilkan relief yang dahulunya adalah tulisan manuskrip dan akhirnya diterjemahkan melalui objek visual dengan menjalankan aktiviti mengukir sebagai medium perantaraan (Klokke, 1998:335). Ini adalah salah satu manifestasi untuk memberikan maksud pada objek yang disampaikan.

Bagaimanakah sesuatu bangsa yang mempunyai nilai kesenian yang halus tidak menitikberatkan falsafah pada objek keseniannya? Hal ini kerana kaum Bajau

merupakan salah satu rumpun Melayu yang kaya dengan kesenian dan kebudayaan yang penuh dengan falsafah yang tersirat. Kemungkinan bangsa Bajau menyimpan rahsia yang tidak diketahui oleh bangsa lain. Pada masa kini, kebanyakan data yang berkaitan dengan masyarakat Bajau ini di buat oleh pengkaji yang berbangsa asing yang berkemungkinan kurang memahami budaya kehidupan Masyarakat Bajau secara total.

Nilai-nilai keindahan⁴ pada tanda kematian kaum Bajau Kubang dirasakan perlu dihuraikan dengan melihat pada bentuk ragam yang terukir dan terserlah. Terdapatnya kepelbagaian atau variasi daripada aspek saiz, bentuk dan bunga ukir pada tanda kematian di Pulau Oamdal yang mewujudkan persoalan mengapa, bila, bagaimana dan apakah kesudahannya.

Pengkaji melihat reka bentuk dan dekorasi yang dihasilkan oleh kaum Bajau ini sebagai satu simbol kepada pola kehidupan mereka. Corak-corak yang dianggap hiasan bagi masyarakat moden kini, sebenarnya tidak terbatas. Elemen kepercayaan yang menebal dalam kalangan masyarakat ini berkemungkinan mempengaruhi corak-corak yang dianggap hiasan pada permukaan sahaja. Generasi kini perlu dibekalkan dengan kesedaran dan pengetahuan betapa tingginya nilai yang diperagakan oleh masyarakat silam. Corak-corak yang dihasilkan bukan sahaja menjadi hiasan, malah ianya merupakan khazanah pengetahuan yang tidak terbatas, yang dapat memberi pendedahan kepada sistem sosial dan kepercayaan masyarakat ini.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Penumpuan kepada kawasan pengkebumian di persekitaran Pulau Omadal, menimbulkan beberapa persoalan khususnya mengenai reka bentuk tanda kematian. Kajian terhadap reka bentuk ini dianggap perlu untuk melihat sejauh mana perkaitan reka bentuk ini dengan reka bentuk persekitarannya. Justeru itu kajian ini akan mensasarkan kepada tujuan berikut:

⁴ Sesuatu yang di nikmati dari deria yang berkait dengan melibatkan pancaindera dalaman.

- a. Mengenalpasti dan menjelaskan ciri-ciri ragam hias ukiran corak pada tanda kematian orang Bajau Kubang di Pulau Omadal.
- b. Mengenal pasti ragam bentuk tanda pada tanda kematian orang Bajau Kubang di Pulau Omadal.
- c. Menganalisis ikon yang tersirat pada ragam hias dan ragam bentuk pada tanda kematian Orang Bajau Kubang di Pulau Omadal.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini membawa seseorang untuk menerokai sumber budaya pribumi etnik masyarakat Sabah. Hasil kajian ini akan membuat kita lebih mengenali budaya dan nilai-nilai dalam masyarakat. Kajian ini perlu diberikan keutamaan dalam mengenal indetiti dan mengekalkan bangsa tersebut.

Berdasarkan bilangan masyarakat etnik yang terdapat di Sabah, pengkaji melihat ia sebagai satu kelebihan dan harta yang sangat bernilai dan jika tidak didokumentasikan, ia menampakkan satu kerugian terutamanya kepada masyarakat etnik itu sendiri. Nilai-nilai kesenian yang pernah diterokai oleh nenek moyang mereka akan hilang jika usaha seumpama ini tidak dilakukan. Penyimpanan data ini dapat memberikan pelbagai perspektif kepada pengkaji-pengkaji lain untuk membuat penilaian mereka sendiri dan boleh digunakan oleh pengkaji pada masa akan datang.


Kajian juga mengambil kira kepada kebudayaan kaum Bajau yang terdapat di Pulau Omadal. Pengkaji merasakan kajian ini perlu kerana ia memainkan peranan penting untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan subjek kajian. Kebudayaan ini juga penting kerana ia adalah perspektif dan olahan kesenian kaum Bajau.

1.5 LOKASI KAJIAN

Omadal merupakan (Rajah 1) salah sebuah pulau daripada gugusan 49 buah pulau di perairan Semporna. Pulau Omadal dikelilingi oleh Pulau Siamil, Danawan, Mabul dan Kapalai di bahagian Selatan. Di bahagian utara pula ialah Pulau Bohey Dulang, Kulapuan, Selakan dan lain-lain. Sementara di bahagian barat dikelilingi oleh Pulau Bum-Bum, Karindingan, Sipanggau, Menampilik dan Nusa Tengah. Manakala di bahagian timur daerah Semporna ialah Pulau Bohayen. Pulau Omadal terletak di Laut Sulawesi yakni bersempadan dengan dua sempadan antarabangsa iaitu Filipina dan Indonesia.

Kedudukan Pulau Omadal yang terletak dalam daerah Semporna tentunya mengalami bentuk topografi sama ada iklim, purata suhu harian dan purata hujan tahunan yang sama seperti daerah Semporna (Lee Yong leng 1982:2-3). Walau bagaimanapun, keadaan bentuk muka bumi Pulau Omadal berbeza sedikit kerana tidak terdapat bukit-bukau. Keadaan tanahnya yang rata, membezakan Pulau Omadal dari aspek bentuk muka bumi dengan kawasan tanah besar Semporna dan Pulau Bohey Dulang. Keluasan pulau ini kira-kira 300 ekar atau 0.47 batu persegi atau 1.04 kilometer persegi dengan jarak keliling 6 kilometer (Getrude, 2001:58).

Kajian ini akan dibuat di Pulau Omadal yang terletak di perairan Semporna. Pulau ini mempunyai keluasan tiga kilometer persegi. Pulau Omadal merupakan jajahan Semporna yang terletak di negeri Sabah. Pengkaji hendaklah melalui Semporna untuk pergi ke Pulau Omadal. Pengkaji akan menaiki perahu dari Semporna menuju ke jeti Pengkalan di Pulau Bum Bum. Dari jeti Gusung Melantak barulah menaiki bot selama dua puluh minit untuk sampai ke Pulau Omadal.



Rajah 1: Peta Pulau Omdal dan kawasan perkuburan kaum Bajau Kubang.

1.6 FOKUS KAJIAN

Limitasi dalam kajian ini tidak akan melepasi kebudayaan penganut agama Islam di Pulau Omdal⁵. Ini kerana, di Pulau Omdal terdapat dua kaum Bajau. Pertama, penduduk Pulau Omdal yang menggelar diri mereka sebagai kaum Bajau Kubang dan mereka merupakan warga negara Malaysia. Kedua, kaum Bajau yang di gelar sebagai Bajau Laut yang bukan beragama Islam. Pengkaji akan menumpukan penyelidikan kepada penduduk Pulau Omdal sahaja, yang terdiri daripada suku kaum Bajau Kubang⁶.

Limitasi kajian budaya dalam kajian ini perlu dibataskan dalam lingkungan budaya yang terdapat di Pulau Omdal sahaja, kerana ia mempengaruhi kesan kesenian. Walaupun pada dasarnya kedudukan geografi antara Pulau Omdal dan Semporna adalah dekat tetapi berkemungkinan masyarakat Bajau Kubang Pulau Omdal mempunyai kebudayaannya yang tersendiri. Jesteru itu pengkaji hanya menfokus kepada budaya yang mempunyai kaitan yang rapat dengan ikon yang disampaikan pada rekaan ukiran batu nisan. Limitasi kajian tertumpu kepada tanda kematian kaum Bajau Kubang yang ada di Pulau Omdal.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian yang menggunakan kaedah etnografi yang berkait dengan kerja lapangan (Hammersley: 1998). Perkataan 'etno' bermaksud kumpulan manusia yang mempunyai budaya. Perkataan 'grapi' bermaksud bahan yang dikaji mengikut peraturan-peraturan tertentu.⁷ Etnograpi adalah gabungan kesenian dan sains untuk menceritakan sesuatu kumpulan atau kebudayaan (M.Fetterman 1998). Kaedah ini memerulukan perkara-perkara seperti berikut;

⁵ Sumber daripada lawatan pengkaji bersama En. Imran Safie (47 thn) yang merupakan bekas penduduk Pulau Omdal Utara. Disember 2006.

⁶ Maklumat daripada En. Zainal Jalaludin (49 thn). Pegawai Perhubungan Adun Kawasan Senallang, Semporna. Beliau merupakan seorang berketurunan Bajau Kubang dan mempunyai beberapa saudara di Pulau Omdal.

⁷ Temubual dengan Prof. Madya Hj. Inon Shahrudin, Dekan Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah.